

17 JAN 2001

Mahathir-Samsudin

SAMSUDIN OSMAN DILANTIK KETUA SETIAUSAHA NEGARA

PUTRAJAYA, 17 Jan (Bernama) -- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Samsudin Osman dilantik Ketua Setiausaha Negara yang baru.

Beliau menggantikan Tan Sri Abdul Halim Ali yang tamat kontrak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengumumkan pelantikan itu hari ini, bagaimanapun tidak menyatakan bila Samsudin akan memulakan tugas barunya itu.

"Kita akan adakan (lantik) orang lain pula untuk mengambil tempat Samsudin," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Hari Raya anjuran Pejabat Perdana Menteri di sini.

Sebagai Ketua Setiausaha Negara, Samsudin juga menjadi setiausaha Kabinet.

Ketika dihubungi Bernama di rumahnya petang ini, Samsudin berkata: "Saya mengucapkan syukur terhadap Allah atas pelantikan ini serta berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia kerana memberi kepercayaan kepada saya menjawat jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam ini.

"Saya akan berusaha sedaya upaya untuk menjayakan penugasan jawatan ini seperti yang diharapkan oleh kerajaan".

Samsudin dilantik Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 15 Dis 1998. Sebelum itu, beliau merupakan Ketua Setiausaha Kementerian dalam Negeri sejak 8 Sept 1996.

Beliau juga pernah memegang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Persekutuan Sabah di Jabatan Perdana Menteri dan Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri Sabah.

Samsudin, 53, adalah lulusan sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.

Beliau menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik sebagai Penolong Setiausaha, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1969.

Abdul Halim pula telah menjadi Ketua Setiausaha Negara sejak 17 Sept, 1996. Kontraknya pertama kali dilanjutkan pada 1998 dan sekali lagi tahun lepas.

Laporan akhbar hari ini menyebut bahawa beliau mungkin dilantik pengerusi eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Kementerian Kewangan mengumumkan hari ini bahawa pengerusi eksekutif KWSP sekarang Tan Sri Sallehuddin Mohamed akan bersara pada 31 Jan ini selepas perkhidmatan selama 10 tahun.

--BERNAMA

NZ ES AU MAM MAI